

18/05/1999

Rombakan Kabinet hanya khabar angin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan laporan kononnya beliau akan membuat rombakan kecil Kabinet adalah khabar angin.

"Semuanya adalah khabar angin. Mereka (media dan analisis) boleh membuat spekulasi mengenai semua perkara dan kadang-kadang apa yang mereka kata boleh berlaku," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pelabuhan Dunia ke-21 di sini, Dr Mahathir berkata, media juga membuat spekulasi mengenai tarikh pilihan raya.

"Sekiranya ia bukan bulan depan, maknanya ia bulan selepas itu dan sekiranya bukan bulan selepas itu, ia bulan lagi satu, lambat-laun ramalan itu pasti mengena.

"Anda boleh membuat spekulasi, saya tidak boleh mengesahkannya," kata beliau ketika diminta mengulas laporan yang memetik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik sebagai memberi bayangan Sabtu lalu, bahawa mungkin berlaku satu rombakan Kabinet hari ini atau esok.

Ekoran itu, timbul spekulasi kononnya Sabbaruddin sendiri turut terbabit dengan meletakkan jawatan dalam Kabinet dan sebagai Setiausaha Agung Umno.

Dr Mahathir, ketika ditanya sama ada satu rombakan Kabinet akan diadakan dalam masa terdekat ini, berkata:

"Ada kalanya kita akan mengadakan rombakan Kabinet, mungkin sebelum pilihan raya atau selepas pilihan raya. Sudah tentu, akan berlaku rombakan Kabinet, ia sebahagian daripada permainan kita."

Kali terakhir Perdana Menteri membuat rombakan Kabinet ialah pada Januari lalu apabila melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dalam rombakan itu, beberapa anggota Kabinet bertukar portfolio manakala Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dinaikkan ke jawatan menteri.

Sementara itu, Sabbaruddin ketika dihubungi di pejabatnya berkata, soal meletakkan jawatan tidak timbul kerana setakat ini beliau masih menjalankan tugas seperti biasa.

"Saya tidak ada menghantar surat peletakan jawatan. Terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan dan saya akur dengan setiap keputusan yang beliau putuskan," katanya.

Menurutnya, beliau tidak rakus untuk menjawat jawatan tinggi dan setiap tugas yang diamanahkan akan dilakukan dengan penuh tanggungjawab.

Sementara itu di KUANTAN, beberapa exco kerajaan Pahang enggan mengulas lanjut spekulasi berhubung perpindahan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, ke Pusat untuk memegang jawatan menteri apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan rombakan kecil Kabinet tidak lama lagi.

Spekulasi itu tidak diketahui kesahihannya sehingga Perdana Menteri membuat pengumuman rasmi mengenainya, kata mereka ketika ditemui selepas sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini.

"Kita tunggu saja keputusan dan pengumuman yang akan dibuat Dr Mahathir kelak. Setakat ini, ia hanya spekulasi yang tidak diketahui sama ada benar atau sebaliknya," katanya.

Sementara itu, exco kanan yang dikatakan bakal menggantikan Mohd Khalil sebagai Menteri Besar, ketika ditemui berkata beliau sendiri tidak mengetahui namanya disebut bagi menggantikan Mohd Khalil.

Beliau berkata, segalanya boleh berlaku dan keputusan muktamad mengenai perkara itu hanya akan terjawab selepas Perdana Menteri membuat pengumuman kelak.

"Tidak perlu saya mengulas panjang kerana ia hanya spekulasi. Lebih baik kita menyerahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Perdana Menteri untuk membuat keputusan," katanya.

(END)